

16/06/1999

36 NGO mahu kerajaan kaji pencapaian

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebanyak 36 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili masyarakat India, menyerahkan memorandum meminta kerajaan menyemak semula tahap pencapaian sosioekonomi masyarakat itu seperti yang dilaporkan dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

Jurucakap kumpulan itu, K Arumugam, mendakwa kebanyakan laporan dalam RM-7 mengenai pencapaian sosioekonomi masyarakat India, kurang tepat dan akan menyebabkan golongan itu ketinggalan mengikuti pembangunan.

"Jika laporan ini menjadi pengukur taraf pencapaian masyarakat tertentu dalam ekonomi negara, isi kandungan yang tidak tepat akan menjejaskan peluang mereka mendapat bantuan yang sewajarnya daripada kerajaan.

"Berdasarkan kajian lebih sebulan terhadap laporan yang dikeluarkan 22 April lalu itu, kami dapati ia tidak mencerminkan keadaan sebenar masyarakat India di negara ini, khususnya di luar bandar," katanya selepas penyerahan memorandum itu di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Kaji selidik rambang masyarakat luar bandar di sekitar Balakong dan Klang serta kawasan sekitar Lembah Klang dijadikan asas memorandum terbabit mempertikaikan laporan separuh penggal RM-7 itu.

Penerimaan memorandum itu disahkan oleh Pembantu Khas kepada Perdana Menteri, Mohd Shafiq Abdullah pada jam 11.30 pagi. Mohd Shafiq memberi jaminan akan mengemukakan memorandum itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengikut laporan RM-7, kadar kemiskinan rakyat Malaysia berkurangan daripada 8.9 peratus pada 1995 kepada 6.1 peratus pada 1997, tetapi meningkat kepada tujuh peratus tahun lalu berikutan kegawatan ekonomi.

Kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan dalam tempoh 1996-1997 adalah disebabkan kepesatan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.2 peratus setahun dan kewujudan 781,200 pekerjaan baru serta peluang perniagaan yang lebih luas.

(END)